

UMS, Huawei jalin kerjasama bangun pusat Huawei ICT Academy

KOTA KINABALU: Penubuhan Huawei ICT Academy hasil memorandum perjanjian (MoA) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Huawei Malaysia yang ditandatangani pada 6 Jun lalu bakal memberi manfaat secara langsung kepada UMS dalam memacu agenda Transformasi Universiti ke arah Universiti/Industri 4.0 seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik UMS 2018-2022.

Pusat itu yang sedang ditubuhkan di bawah Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) UMS

dijangka memanfaatkan lebih 300 pelajar tahun tiga UMS melalui pelaksanaan pelbagai program atau aktiviti secara bersama antara kedua-dua pihak, serta sokongan daripada Huawei dalam pelbagai aspek seperti kelengkapan makmal selain bahan pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, Huawei juga telah melaksanakan program Professional Train The Trainers yang memanfaatkan 13 pensyarah UMS, dengan tujuh daripadanya telah berjaya mendapat pensijilan Huawei Certified Academy Instructor setelah memenuhi kriteria

minimum dari Huawei.

Justeru, satu acara penyerahan Plak Huawei ICT Academy oleh pihak Huawei kepada UMS telah diadakan dalam satu majlis di Dewan Bankuasi, UMS sejurus tamat Sidang Tiga Majlis Konvokesyen UMS ke-20 sebagai kesinambungan terhadap kerjasama dalam membangunkan pusat itu.

Penyerahan plak itu disempurnakan oleh Ketua Perhubungan Awam dan Komunikasi Huawei Vicky Zhang kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

Turut menyaksikan acara

itu, Pro Canselor UMS yang Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Apdal, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS KY Mustafa serta Ketua Jabatan Penyampaian dan Perkhidmatan Enterprise Business Group, Huawei, Sheng Naiting.

D KAMARUDIN (kanan) menerima plak Huawei ICT Academy daripada Vicky (dua dari kiri) sambil diperhatikan oleh Shafie (dua dari kanan), KY Mustafa (tiga dari kanan) dan Sheng (kiri).

